

27 FEB 2003

Mahathir-Penghargaan (Bergambar)

KEJAYAAN SIDANG NAM HASIL KERJA BERDISIPLIN PETUGAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melahirkan rasa terhutang budi dengan penampilan mutu kerja yang sempurna sepanjang berlangsungnya Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di ibu negara.

"Kejayaan NAM adalah hasil daripada kerja berdisiplin kita. Saya harap prestasi yang ditunjukkan ini akan dapat diperbaiki lagi semasa negara menganjurkan Persidangan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis malam penghargaan untuk meraikan petugas-petugas Persidangan NAM di Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan. Majlis itu dianjurkan sendiri oleh Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan Panglima Tentera Darat Jeneral Datuk Wira Mohamed Sharom Mohamed Nordin.

Majlis itu dihadiri kira-kira 5,000 petugas terdiri daripada kakitangan perkhidmatan awam, anggota polis, tentera, pasukan bomba dan penyelamat serta kakitangan Wisma Putra.

Dr Mahathir berkata slogan "Malaysia Boleh" sememangnya terbukti apabila beliau mendapat pujian daripada banyak pihak termasuk pemimpin-pemimpin negara yang hadir pada persidangan itu.

"Kalau ada mesyuarat tujuh sekalipun, kita mampu lakukan," katanya sambil menerima tepukan gemuruh para hadirin.

Dr Mahathir berkata Presiden Pakistan Jeneral Pervez Musharraf kagum dengan sikap penuh berdisiplin rakyat di negara ini kerana mematuhi arahan yang dikeluarkan.

Beliau berkata pujian turut diterima daripada pegawai-pegawai yang mengiringi pemimpin-pemimpin negara anggota NAM.

Menurutnya seorang jurucakap memberitahunya bahawa "ini adalah Sidang Kemuncak NAM yang terbaik pernah diadakan."

Dr Mahathir berkata perkara yang sama tidak berlaku di Osaka dan Jakarta atau tempat lain di mana kerajaan negara penganjur terpaksa memberi cuti dan menghalang operasi perniagaan daripada dijalankan.

"Ini sudah pasti mengganggu rakyat dan ia menyebabkan pendapatan mereka terjejas. Bagi kita, kita tak perlu tutup semua kedai, hanya sekolah sahaja. Apa yang kita buat hanya beri arahan kepada rakyat supaya jangan menggunakan jalan-jalan tertentu sahaja," katanya.

Secara berjenaka Dr Mahathir berkata: "Mereka juga ingin melihat KL yang sebenar."

Sebelum mengakhiri ucapannya, Perdana Menteri tidak putus-putus mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Beliau turut mengingatkan bahawa pengalaman yang diperolehi sepanjang berlangsungnya Sidang Kemuncak NAM ke-13 itu harus digunakan sebaik-baiknya kerana rakyat mendapat manfaat yang banyak daripada kejayaan penganjuran itu.

-- BERNAMA

FA MUN NAK